

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL BAYARAN DENDA (LESEN)
(MAJLIS DAERAH MERSING) 2011

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 104 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuat kuasa

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bayaran Denda (Lesen) (Majlis Daerah Mersing) 2011** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Mersing.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Datuk Bandar” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan sah disisi undang-undang termasuklah Timbalan Datuk Bandar;

“Lesen” termasuklah semua jenis lesen tahunan atau sementara yang telah diluluskan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua yang wajib diperbaharui setiap 1 Januari tiap-tiap tahun atau setelah tamat tempoh sah lakunya suatu lesen kecuali digantung atau dibatalkan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua;

“Pemegang lesen” ertinya orang atau syarikat yang kepadanya dikeluarkan sesuatu lesen di bawah mana-mana Undang-undang Kecil yang dibuat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 oleh Majlis Daerah Mersing;

“Tamat tempoh lesen” ertinya lesen yang sah tempoh lakunya sehingga 31 Disember tiap-tiap tahun atau sehingga tamat tempoh sah lakunya sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua suatu Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain

3. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Datuk

Kesalahan

4. (1) Tiada seorang boleh menggunakan mana-mana premis untuk tujuan menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Majlis terlebih dahulu.

(2) Tiada seorang pun pemegang lesen boleh menjalankan mana-mana tred, perniagaan atau industri tanpa memperbaharui lesen yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua selepas tempoh pengecualian denda.

Memperbaharui lesen

5. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah memperbaharui lesen selepas tamat tempoh lesen tersebut pada tarikh yang sama tahun berikutnya dan/atau dilanjutkan sehingga 3 tahun.

Tempoh pengecualian denda

6. Datuk Bandar boleh atas budibicaranya memberi pengecualian denda ke atas lesen-lesen yang diperbaharui mulai 1 Januari hingga 31 Mac setiap tahun dan tiada apa-apa pengecualian denda boleh diberikan setelah tamat tempoh tersebut.

Bayaran denda

7. Datuk Bandar/Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh mengenakan denda sebagaimana kadar yang dinyatakan dalam Jadual sekiranya seseorang bertindak berlawanan dengan Undang-Undang Kecil 3 di dalam Undang-undang Kecil ini.

JADUAL

(a) Denda Maksima — 10 kali ganda daripada kadar bayaran lesen tahunan

(b) Denda Minima — 2 kali ganda daripada kadar bayaran lesen tahunan

Bertarikh

HAJI ZAINAL BIN ERAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Mersing

Disahkan pada

MOHD. HAFFIZ BIN HAJI AHMAD
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor